



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9000  
Faks : 03-8884 9315  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj Kami: KP(BPSH-SPKD)601/01Jld.10 ( 4 )  
Tarikh: 13 Jun 2014

Semua Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Tuan,

**PELUASAN PELAKSANAAN PROGRAM MINDA SIHAT DALAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI MURID DI SEMUA SEKOLAH MENENGAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SELURUH NEGARA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia akan melaksanakan peluasan bagi Program Minda Sihat dalam Pembangunan Sahsiah Diri Murid di semua sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini adalah bertujuan meningkatkan daya tindak murid dalam pengurusan diri bagi menghadapi stres.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) adalah dimohon memberikan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi melaksanakan program ini di peringkat sekolah. Program ini hendaklah dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) secara berfokus di sekolah menengah seperti ketetapan berikut;

- 3.1 Program Minda Sihat dilaksana kepada semua murid Tingkatan 4.
- 3.2 GBK mentadbir dan menganalisis Saringan DASS dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak.
- 3.3 GBK melaksana aktiviti intervensi berpandukan Modul Intervensi Minda Sihat.
- 3.4 GBK menyediakan pelaporan untuk diselaraskan peringkat PPD, JPN dan KPM.
- 3.5 Pentadbir sekolah adalah dikehendaki menyelaras Jadual Khas bagi membolehkan GBK melaksana Saringan DASS dan Soal Selidik Gaya Daya Tindak serta aktiviti intervensi di peringkat sekolah.

"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"  
Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila dihubungi




4. Bersama ini disertakan Garis Panduan Pelaksanaan Program Minda Sihat seperti di LAMPIRAN A. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan program ini, pihak YBhg. Dato'/Tuan boleh berhubung dengan pegawai di Bahagian ini: En. Ab. Rahim bin Othman di talian 03-88849445 @ 019-3551547 (Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin). Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Segala kerjasama YBhg. Dato'/Tuan berikan amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



DATO' HAJI MAZLAN BIN MOHAMAD D.S.A.P, D.I.M.P  
Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi)
3. Kementerian Kesihatan Malaysia  
(up: Bahagian Kawalan Penyakit)
4. Pengarah  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Islam  
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Khas  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah  
Bahagian Sukan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pengarah  
Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Pengarah  
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Kecemerlangan  
Kementerian Pendidikan Malaysia